



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

KOD KURSUS : DSM3183

PEPERIKSAAN : JUN 2023


MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. BAHAGIAN A (40 MARKAH)
BAHAGIAN B (60 MARKAH)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan OSHA?

- A Occupational Safety and Health Adminis.
- B Occupation Safety and Help Administration.
- C Occupation System and Health Administration.
- D Occupational Safety and Health Administration.

2.

- Meningkatkan daya saing organisasi.
- Peningkatan produktiviti.
- Mengurangkan kos perniagaan.

Pernyataan 1

Pernyataan 1 merujuk kepada kepentingan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pihak_____.

- A buruh
- B pekerja
- C majikan
- D kerajaan

3. Persepsi awal manusia adalah terdiri dari aspek-aspek berikut **kecuali**

- A Fokus yang silap.
- B Mengabaikan tanggungjawab.
- C Tidak tahu mana hendak mula.
- D Sikap menitikberatkan keadaan pekerja.

4. Pakaian dan alat perlindungan diri adalah merujuk kepada _____ dalam akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- A Seksyen 20 AKKP 1994
 - B Seksyen 22 AKKP 1994
 - C Seksyen 24 AKKP 1994
 - D Seksyen 25 AKKP 1994
5. 'Gangguan yang dilakukan dengan menunjukkan bahan-bahan yang boleh dilihat dengan pancaindera seperti gambar lucah, video lucah dan menulis surat berunsurkan seksual'.

Pernyataan 2

Berdasarkan **Pernyataan 2** berikan jenis gangguan seksual tersebut.

- A Lisan.
 - B Visual.
 - C Fizikal.
 - D Psikologi.
6. Pilih contoh-contoh Kelengkapan Perlindungan Diri (KPD) yang perlu digunakan untuk melindungi diri dari hazard atau bahaya dalam aktiviti kerja kimpalan.
- i Topi keselamatan.
 - ii Jaket keselamatan.
 - iii Cermin mata hitam.
 - iv Kasut keselamatan.
- A i & ii sahaja
 - B ii & iii sahaja
 - C i, iii & iv sahaja
 - D ii, iii & iv sahaja

7. Antara berikut yang manakah **bukan** faktor yang menjadi punca berlakunya sesuatu kemalangan?
- A Kekurangan latihan.
 - B Keadaan tidak selamat.
 - C Tempoh berehat yang lama.
 - D Perbuatan yang tidak selamat.
8. Manakah antara berikut adalah merupakan tepat mengenai Hazard Fizikal?
- i Radiasi.
 - ii Sinaran UV.
 - iii Bunyi bising melampau.
 - iv Permukaan yang panas.
- A i & ii sahaja
 - B ii & iii sahaja
 - C ii, iii, & iv sahaja
 - D i, ii, iii & iv
9. Pada pandangan anda, apakah cara terbaik untuk melindungi pekerja yang bekerja dengan mesin yang berbunyi bising?
- A Menyediakan pelindung telinga untuk pekerja.
 - B Mengurangkan atau menghapuskan bunyi bising dari mesin.
 - C Membenarkan penggunaan mesin dalam jangka masa yang pendek.
 - D Membuka semua pintu dan tingkap untuk mengurangkan bunyi bising.
10. Pengetahuan untuk menggunakan pemadam api sangat penting jika berlaku sesuatu kebakaran. Apakah yang dimaksudkan dengan *PASS*?
- A *Pull, Aim, Squeezer and Swap*
 - B *Pull, Aim, Squeezer and Sweep*
 - C *Pass, Aim, Sweep and Squeezer*
 - D *Punch, Aim, Squeezer and Sweep*

11. Antara berikut yang manakah merupakan Prinsip Amalan 5S?
- A Saiton.
 - B Sensei.
 - C Shitsuke.
 - D Suigetsu.
12. Berikut merupakan pengkelasan tekanan **kecuali**
- A Tekanan situasi.
 - B Tekanan berbaki.
 - C Tekanan darah tinggi.
 - D Tekanan yang dijangkakan.
13. 'Sort' memberi tumpuan kepada pengasingan dan pelupusan semua barang yang tidak diperlukan di tempat kerja. Aktiviti 'sort' melibatkan:
- i Item diatur supaya mudah dikesan dan boleh dicapai dengan segera.
 - ii Item yang tiada nilai dan senang dibuang malah perlu dibuang segera.
 - iii Item tiada nilai tapi kos pelupusan tinggi untuk dilupuskan perlu menentukan kaedah/kos yang paling rendah.
 - iv Item yang ada nilai tapi tidak digunakan dan tiada kegunaan masa akan datang hendaklah dihapuskan/dijual mengikut prosedur.
- A i, ii & iii sahaja
 - B i, iii & iv sahaja
 - C ii, iii & iv sahaja
 - D i, ii, iii & iv

14. Tindakan diambil bagi memastikan ruang tempat kerja dan peralatan di dalam keadaan bersih dan tidak menjejaskan kuantiti peralatan dan kualiti kerja. Aktiviti 'seiso' ini melibatkan **kecuali**
- A Menetapkan pemilik bagi ruang/perkakas dan mesin.
 - B Memastikan proses pembersihan dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan.
 - C Merekod dan melaporkan segala kerosakan untuk tindakan penyelenggaraan.
 - D Semasa bekerja fail aktif dan bahan rujukan semasa sahaja berada di atas meja, selepas digunakan fail dan item perlu disimpan semula ke tempat asal.
15. Yang manakah merupakan punca berlaku kemalangan di tapak binaan?
- A Tingkah laku pekerja yang kompeten.
 - B Kesungguhan disiplin ketika melakukan kerja.
 - C Tidak menggunakan alat perlindungan keselamatan.
 - D Semua di atas.
16. Antara yang berikut manakah objektif latihan 'cara mengatasi tekanan fizikal' keselamatan dan kesihatan pekerjaan?
- i Membantu kehidupan masyarakat dengan lebih tenteram.
 - ii Memberi kaedah untuk mengenalpasti, menyelesaikan dan melaporkan "hazard fizikal".
 - iii Memberi maklumat dan kesedaran tentang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan kepada pekerja.
 - iv Memberi pengetahuan tentang kaedah pemindahan (Evacuation) bangunan apabila berlaku sesuatu bencana kecemasan.
- A i & ii sahaja
 - B i,ii & iii sahaja
 - C i,iii & iv sahaja
 - D i,ii, iii & iv

17. Yang manakah merupakan gejala berkaitan penyakit "Muskuloskeletal Disorders"?
- A Sakit otot.
 - B Sakit hati.
 - C Berasa gelisah.
 - D Mudah berasa marah.
18. Sekiranya anda merasa mencucuk ataupun kaku sendi pada pergelangan tangan semasa menaip, tindakan apakah yang akan membantu anda untuk mengurangkan kesakitan ini?
- A Rehat lebih kerap.
 - B Perbaiki tempat kerja.
 - C Perbaiki teknik psikomotor.
 - D Perbaiki teknik mengangkat benda berat.
19. Kecemasan atau bencana adalah kejadian tidak dirancang yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Sesuatu insiden kecemasan atau bencana akan merugikan syarikat dari segi harta benda, wang, masa, pekerja dan lain-lain. Pelan Tindakan Kecemasan **ERP** yang efektif akan memberi faedah berikut kepada syarikat **kecuali**:
- A mengurangkan kadar kerosakan harta benda.
 - B berupaya mengawal keadaan kecemasan/bencana.
 - C mengurangkan keadaan bagi menangani sesuatu kecemasan/bencana.
 - D mengurangkan jumlah pekerja yang mungkin tercedera/mengalami kecederaan teruk.
20. Yang manakah **tepat** mengenai tujuan membangunkan pengurusan kecemasan dalam sebuah organisasi?
- A Melewatkan kesan kecemasan.
 - B Membiarkan kesan kecemasan.
 - C Meminimumkan kesan kecemasan.
 - D Memaksimumkan kesan kecemasan.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan ada pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Hazard adalah punca atau keadaan yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan atau penyakit kepada manusia, kerosakkan pada harta, dan pencemaran kepada persekitaran.

- a. Analisis hazard kerja amat penting kepada pihak majikan bagi menangani kemalangan dalam sesebuah organisasi. Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu dijadikan sebagai garis panduan kepada pihak majikan dalam mengenal pasti setiap langkah untuk mengawal dan cara menangani bahaya?

(10 Markah)

Encik Fakhar merupakan seorang staf baharu di tempat anda bekerja. Sebagai seorang pengurus yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda menerangkan kepentingan pengurusan ergonomik kepada Encik Fakhar dengan mengaitkan **lima (5)** prinsip ergonomik?

(10 Markah)

SOALAN 2

Kemalangan seperti luka pendarahan, melecur, terkena renjatan dan patah tulang boleh diberikan bantuan segera atau rawatan pertolongan cemas. Sebagai seorang pegawai sumber manusia, anda diminta untuk:


- a. Senaraikan **lima (5)** jenis luka beserta contoh yang boleh berlaku di tempat kerja.

(10 Markah)

- b. Jelaskan punca-punca patah mengikut kefahaman anda.

(10 Markah)

SOALAN 3



Gambar 1

Gambar 1 menunjukkan satu fenomena bencana alam yang berlaku saban tahun di Malaysia. Sebagai seorang pengurus sumber manusia di sesebuah syarikat swasta, kesediaan menghadapi situasi ini perlu diberikan keutamaan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan organisasi, pekerja dan orang awam. Oleh yang demikian anda diminta untuk:

- Nyatakan kesan-kesan yang akan dihadapi oleh pekerja dan orang awam jika fenomena ini berlaku. (5 Markah)
- Jelaskan kemungkinan yang akan berlaku jika suhu panas yang ekstrem ini terjadi kepada seseorang pekerja. (5 Markah)

- c. Terangkan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh pihak syarikat bagi menghadapi fenomena gelombang haba ini.

(10 Markah)

(60 MARKAH)

KERTAS SOALAN TAMAT

